

## **CABARAN MASYARAKAT ISLAM DALAM MELAKSANAKAN AMALAN IBADAH KETIKA PANDEMIK COVID-19**

Siti Samihah Mohd Yusoff (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri  
Sembilan, Malaysia.

Tel: 0134681923 Emel: [sitisamihahmohdyusoff@gmail.com](mailto:sitisamihahmohdyusoff@gmail.com)

Noornajihan Ja'afar, USIM  
Muhammad Hafiz Saleh, USIM  
Ismail Abdullah, UNISSA, Brunei  
Ahmad Sanusi Azmi, USIM

### **Abstrak**

Malaysia telah mengesahkan kes COVID-19 yang pertama di negara ini pada 25 Januari 2020. Tahun 2021 merupakan tahun kedua rakyat Malaysia berhadapan dengan pandemik COVID-19. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan pencegahan untuk mematahkan rantai COVID-19. Tindakan pencegahan ini menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia terpaksa berada di rumah dan menjaga Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. Tidak terkecuali juga ianya memberi kesan terhadap aktiviti beribadah bagi masyarakat Islam. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengupas cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam dalam melaksanakan amalan ibadah ketika pandemik dan penyelesaian kepada perkara tersebut. Di samping itu, kajian ini juga mengemukakan ayat-ayat Al-Quran berhubung dengan perintah untuk beribadah kepada Allah s.w.t dan amalan-amalan ibadah yang dianjurkan bagi setiap Muslim. Metodologi yang akan digunakan di dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis laporan, SOP serta artikel yang berkenaan. Hasil dapatan kajian ini termasuklah cabaran dan penyelesaian pelaksanaan amalan ibadah yang terkesan antaranya aktiviti di masjid dan surau seperti solat berjemaah, ceramah dan tazkirah, aktiviti di bulan Ramadan dan di hari perayaan, ibadah haji dan umrah, serta zakat dan sedekah. Hasil kajian ini dijangkakan akan menyediakan panduan dan maklumat kepada masyarakat Islam dalam melaksanakan amalan ibadah wajib dan sunat ketika menghadapi pandemik.

**Kata Kunci:** Cabaran; Masyarakat Islam; Amalan Ibadah; Pandemik COVID-19

### **Pendahuluan**

Seluruh dunia sedang dilanda pandemik COVID-19 yang menyebabkan kebanyakan negara melaksanakan tindakan pencegahan untuk mengekang penularan COVID-19 termasuklah Malaysia. Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia ke-8, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara bermula dari 18 Mac 2020 (Berita Harian, 2021a). Ini menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia terpaksa berada di rumah untuk mematahkan rantai COVID-19. Pelbagai tindakan pencegahan telah dijalankan untuk mengekang penularan pandemik ini yang mana pada awal tempoh ianya dijalankan iaitu pada Mac 2020 melibatkan SOP yang sangat ketat. Tindakan pencegahan ini mula dilonggarkan sedikit demi sedikit apabila bilangan kes mula berkurang.

Antaranya adalah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan

Pergerakan Pemulihan (PKPP) termasuklah tindakan yang lain. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama telah dilaksanakan di seluruh negara pada 18 Mac 2020 (Berita Harian, 2021a). Manakala, PKP 2.0 ke atas enam negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah dilaksanakan pada 13 Januari 2021 (Junhairi, 2021) dan PKP 3.0 dilaksanakan pada 12 Mei 2021 (Astro Awani, 2021). Penutupan sektor sosial dan ekonomi menyebabkan gangguan sosial dan memberi kesan terhadap ekonomi global kerana masyarakat tidak dapat melakukan aktiviti harian terutamanya keluar bekerja. Dan apa yang terus membimbangkan adalah kes COVID-19 di Malaysia melepasi angka sejuta pada 25 Julai 2021 iaitu sebanyak 1,013,438 kes dengan pertambahan 17,045 (Noor Atiqah, 2021).

Walaupun bagaimanapun, bencana alam dan wabak penyakit adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan bagi setiap penduduk bumi. Setiap kejadian yang berlaku di muka bumi ini mempunyai tujuan dan hikmah yang tersendiri termasuklah pandemik yang sedang melanda satu dunia. Namun, ianya bukanlah menjadi suatu halangan bagi setiap Muslim untuk meneruskan kehidupan sebagai hamba Allah yang bertakwa. Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran: *“Dan tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, secara main-main.”* (Al-Dukhan: 38)

### **Hikmah Penciptaan Manusia**

Allah s.w.t menciptakan manusia dan seluruh makhluk di dunia ini bersama dengan hikmah dan tujuan yang tersendiri. Allah berfirman di dalam Al-Quran: *“Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmah pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?”* (Al-Mukminun: 115)

Salah satu sebab yang besar Allah s.w.t menciptakan manusia adalah suruhan untuk mentauhidkan Allah Yang Satu dan semata-mata untuk menyembah Allah Tuhan Yang Esa. Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran: *“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”* (Al-Dhariyat: 56). Manusia diciptakan sebagai khalifah di muka bumi ini untuk beribadat kepada Tuhan Yang Menciptakan. Allah s.w.t telah menurunkan Al-Quran dan mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w untuk dijadikan sebagai panduan bagi hamba-hamba Nya. Ianya meliputi setiap aspek kehidupan termasuklah ibadah.

Bertitik tolak daripada hikmah penciptaan manusia untuk beribadah kepada Allah s.w.t, ianya menjadi suatu kemestian bagi setiap Muslim untuk terus melaksanakan ibadah dan memperbanyakkan amalan ibadah dalam kehidupan seharian tidak kira apa jua keadaan atau situasi yang melanda apatah lagi dalam menghadapi pandemik COVID-19.

### **Amalan Ibadah Bagi Setiap Muslim**

Ibadah adalah perkara yang sangat penting dalam kehidupan setiap Muslim. Ibadah yang diwajibkan ke atas setiap Muslim adalah solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat, dan menunaikan haji. Ibadah adalah suatu amalan untuk mengukuhkan keimanan kepada Allah s.w.t dan merupakan satu simbol pengabdian dan kepatuhan seorang hamba terhadap Penciptanya (Salasih Hanin, Noor Shakirah, Zainab, Adawiyah, & Nadhirah, 2015).

Dalam menghadapi pandemik COVID-19 yang semakin hari semakin bertambah kes baharu yang mana pada 26 Ogos 2021 Malaysia mencatatkan sebanyak 24,599 kes harian dan jumlah kes keseluruhan sudah mencecah angka 1,640,843 serta jumlah kes kematian yang dilaporkan adalah 15,211 kes (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021c), masyarakat Islam seharusnya mengambil iktibar di atas setiap kejadian yang berlaku, reda, dan terus bersabar

dalam menghadapi ujian. Menambahkan amalan ibadah terhadap Allah s.w.t adalah salah satu cara untuk menunjukkan rasa cinta kepada-Nya.

Antara amalan ibadah yang dapat dilakukan oleh masyarakat Islam ketika menghadapi COVID-19 adalah mempelajari ilmu agama, menjaga dan memperbaiki ibadah wajib seperti solat fardu, puasa, menambahkan amalan ibadah sunat seperti solat sunat, puasa sunat, memperbanyakkan amalan membaca Al-Quran, berzikir serta bersedekah.

### **Menuntut Ilmu Agama (Ceramah dan Tazkirah)**

Amalan ibadah yang pertama yang boleh dilakukan ketika menghadapi COVID-19 adalah menuntut ilmu. Setiap Muslim diwajibkan untuk menuntut ilmu agama bagi memastikan pelaksanaan ibadah khusus ataupun ibadah umum bertepatan dengan syariat seperti yang digariskan dalam Islam. Menuntut ilmu adalah suatu ibadah dan ianya salah satu daripada prasyarat dalam memastikan ibadah-ibadah yang dilaksanakan adalah sah di sisi Allah s.w.t.

Imam Bukhari di dalam kitabnya Sahih Al-Bukhari memulakan Kitab Ilmu dan bab keutamaan ilmu dengan meletakkan ayat Al-Quran: “*Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat.*” (Al-Mujadilah: 11). Allah s.w.t meninggikan darjat orang mukmin yang alim di atas orang mukmin yang tidak alim. Ketinggian darjat ilmu menunjukkan keutamaannya. Banyaknya pahala orang yang menuntut ilmu itu yang akan membuatkan darjat mereka terangkat. Darjat yang tinggi mempunyai dua maksud iaitu yang pertama adalah kedudukan yang tinggi dan reputasi yang baik, manakala yang kedua adalah darjat di akhirat dengan kedudukan yang tinggi di syurga (Al-Asqalani, 2008).

Kemudian Imam Bukhari menjelaskan tentang keutamaan ilmu dan maksud ilmu pengetahuan dengan meletakkan ayat Al-Quran: “*Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku.*” (Taha: 114). Ayat ini merupakan dalil yang menunjukkan keutamaan ilmu pengetahuan, kerana Allah tidak pernah memerintahkan kepada Nabi-Nya untuk mencari sesuatu kecuali menuntut ilmu. Yang dimaksudkan dengan ilmu di sini adalah ilmu-ilmu syariat yang berfungsi untuk menjelaskan apa-apa yang wajib bagi seorang *mukallaf* tentang urusan agama yang meliputi ibadah, *muamalah*, ilmu tentang Allah s.w.t dan sifat-sifat-Nya baik yang wajib mahupun yang mustahil bagi-Nya yang semuanya itu terdapat dalam kitab tafsir, hadis, dan *fiqh* (Al-Asqalani, 2008).

Ini menunjukkan bahawa Allah s.w.t telah memerintahkan supaya hamba-Nya mendalami dan mempelajari ilmu agama. Ilmu agama inilah ilmu yang akan memberi banyak pahala kepada sesiapa yang berusaha untuk mendalaminya. Salah satu cara untuk masyarakat mempelajari ilmu agama adalah dengan menghadiri kuliah dan ceramah keagamaan di masjid atau surau. Memandangkan dunia sedang dilanda pandemik COVID-19, kuliah dan ceramah di masjid tidak dapat diteruskan.

Tetapi, dapat dilihat bahawa pandemik ini sekalipun tidak dapat menghalang masyarakat Islam untuk terus mempelajari ilmu agama melalui guru kerana kecanggihan teknologi sekarang telah membenarkan pembelajaran secara maya dan dalam talian. Terdapat pelbagai kelas agama yang dianjurkan oleh para agamawan melalui platform Youtube, Facebook, Google Meet, Zoom dan sebagainya terutama di Malaysia sendiri. Ini adalah satu inisiatif dan solusi yang sangat bermanfaat yang dilakukan oleh para agamawan terutamanya dalam mengatasi kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Islam ketika dunia dilanda COVID-19. Inisiatif ini memberikan peluang kepada masyarakat untuk memanfaatkan masa yang terluang di rumah dengan menyertai kelas-kelas agama yang dianjurkan sekaligus menambahkan pahala amalan beribadah.

### **Solat Fardu**

Amalan ibadah yang kedua adalah solat fardu. Solat fardu adalah ibadah yang diwajibkan ke atas setiap Muslim tidak kira apa jua keadaan sekalipun. Solat yang wajib dilakukan oleh setiap

Muslim adalah solat lima waktu iaitu solat Subuh, solat Zuhur, solat Asar, solat Maghrib, dan solat Isyak. Solat fardu adalah rukun Islam yang kedua selepas mengucapkan dua kalimah syahadah. Allah s.w.t memerintahkan hamba-Nya untuk menunaikan solat sebagaimana yang disebutkan di dalam ayat Al-Quran: “*Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikanlah) sembahyang subuh sesungguhnya sembahyang subuh itu adalah disaksikan (keistimewaannya).*” (Al-Isra’: 78)

Solat yang dikerjakan dengan sempurna dapat mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Allah s.w.t berfirman: “*Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*” (Al-Ankabut: 45)

Oleh itu, mengambil kira masa yang terluang di rumah disebabkan oleh pelaksanaan PKP, setiap Muslim digalakkan untuk mempelajari dan menambahkan ilmu agama untuk menyempurnakan solat fardu iaitu dengan memperbaiki bacaan ketika solat dan menunaikan setiap rukun utama di dalam solat iaitu rukun *qauli, fi’li, qalbi*, dan *maknawi* dengan betul.

## Solat Jemaah

Amalan ibadah yang seterusnya adalah solat jemaah. Solat jemaah merupakan sunnah *muakkad* dan pensyariatannya berdasarkan ayat Al-Quran: “*Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu...*” (Al-Nisa’: 102). Ayat ini diturunkan ketika waktu perang, maka sudah semestinya lebih utama untuk dilakukan ketika dalam keadaan aman. Solat jemaah yang didirikan di masjid adalah yang paling baik dan lebih utama kerana ianya menghidupkan dan memakmurkan rumah Allah s.w.t. Namun begitu, solat berjemaah tidak khusus dilaksanakan di masjid sahaja.

Ini dapat dikaitkan dengan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam ketika pandemik COVID-19 iaitu kekangan untuk menunaikan solat berjemaah di masjid. Dalam tempoh PKP 1.0 dan PKP 3.0, kerajaan tidak membenarkan solat jemaah dilaksanakan di masjid dan aktiviti solat dihadkan kepada AJK masjid dan surau sahaja (Junhairi, 2020; Majlis Keselamatan Negara, 2021e). Ianya tidak dapat diteruskan disebabkan oleh norma baharu yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu penjarakan fizikal (*physical distancing*).

Walaupun bagaimanapun, ianya tidak dapat menghalang masyarakat Islam untuk solat berjemaah kerana setiap Muslim seharusnya menggunakan peluang ini dengan sebaiknya dan menunaikan solat berjemaah bersama keluarga di rumah masing-masing. Di samping itu, ianya juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

## Solat Sunat

Seterusnya, amalan ibadah sunat yang dapat dilakukan ketika menghadapi COVID-19 adalah solat sunat. Di samping menjaga amalan ibadah wajib, setiap Muslim juga digalakkan untuk menambahkan amalan ibadah kepada Allah s.w.t dengan ibadah sunat. Antara solat sunat yang dapat diamalkan adalah solat malam dan solat witr (ganjil). Tempoh waktu untuk mendirikan solat ini adalah sehingga terbit fajar. Berdasarkan ayat Al-Quran, Allah s.w.t telah memerintahkan hamba-Nya untuk menunaikan solat *tahajjud* sebagai solat tambahan sebagaimana firman-Nya: “*Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah "sembahyang tahajjud" padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji.*” (Al-Isra’: 79)

Di samping itu, antara solat sunat yang dapat diamalkan adalah solat sunat *rawatib* yang

didirikan sebelum (*qabliyah*) dan selepas (*ba'diyah*) solat fardu.

## **Puasa**

Amalan ibadah yang seterusnya adalah puasa. Puasa di bulan Ramadan adalah rukun Islam yang ketiga yang mana ianya diwajibkan ke atas setiap orang Islam. Hikmah berpuasa ini adalah untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah. Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran: *“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”* (Al-Baqarah: 183)

Aktiviti di bulan Ramadan adalah di antara yang terkesan disebabkan oleh pandemik COVID-19 (Sila rujuk Jadual 4). Suasana berpuasa di bulan Ramadan pada tahun 1441 hijrah sudah semestinya tidak sama seperti puasa pada tahun-tahun sebelumnya. Ibadah sunat ketika bulan Ramadan seperti solat terawih, *iktikaf*, *qiamullail*, tadarus Al-Quran, bersahur dan berbuka puasa tidak dibenarkan dijalankan di masjid (Majlis Keselamatan Negara, 2020g) kerana masyarakat Islam tidak dibenarkan untuk berkumpul di tempat-tempat awam termasuklah masjid dan surau. Walaubagaimanapun, ibadah sunat seperti solat terawih masih lagi boleh dilakukan secara berjemaah bersama keluarga di kediaman masing-masing dan majlis tadarus Al-Quran pula boleh dilakukan secara dalam talian melalui platform-platform yang tersedia.

Manakala, aktiviti di bulan Ramadan pada tahun 1442 hijrah dapat dijalankan semula secara berperingkat dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan serta bersesuaian mengikut ketetapan pihak berkuasa agama negeri dengan penjarakan fizikal dan pematuhan SOP (Majlis Keselamatan Negara, 2021d).

Di samping itu, masyarakat Islam juga digalakkan untuk melakukan puasa-puasa sunat yang dianjurkan di dalam Islam.

## **Membaca Al-Quran**

Seterusnya, amalan ibadah yang dapat dilakukan ketika menghadapi COVID-19 adalah membaca Al-Quran. Allah s.w.t telah menurunkan Al-Quran melalui Nabi Muhammad s.a.w sebagai peringatan dan pengajaran kepada setiap hamba-Nya. Ianya telah dijelaskan di dalam Al-Quran: *“Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”* (Al-Qamar: 17)

Tambahan lagi, Allah s.w.t telah memerintahkan supaya membaca Al-Quran dengan *tartil* iaitu dengan bacaan yang perlahan, jelas dan terang sebutan hurufnya serta betul mengikut ilmu tajwid. Firman Allah s.w.t: *“Dan bacalah Al-Quran dengan tartil.”* (Al-Muzzammil: 4). Sehubungan dengan itu, dengan mengambil kira situasi yang dialami oleh masyarakat yang tidak dapat melakukan aktiviti di luar rumah, digalakkan kepada setiap Muslim untuk memperbanyakkan bacaan Al-Quran dan mengisi masa lapang dengan mendalami ilmu Al-Quran seperti ilmu tajwid.

## **Zikir**

Di samping memperbanyakkan amalan membaca Al-Quran, zikir adalah salah satu ibadah yang dapat dilakukan untuk mengingati dan menyebut nama Allah s.w.t pada bila-bila masa tidak mengira tempat dan waktu apatah lagi ketika menghadapi sesuatu musibah dan bencana seperti COVID-19. Zikir adalah satu cara untuk bersyukur kepada Allah s.w.t. Perintah untuk menyebut nama Allah s.w.t dijelaskan di dalam ayat Al-Quran: *“Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang.”* (Al-Ahzab: 41-42)

Tambahan pula, zikir membuatkan hati manusia menjadi tenang sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran: *“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati*

*mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan 'zikrullah' itu, tenang tenteramlah hati manusia."* (Al-Ra`d: 28)

## **Zakat dan Sedekah**

Amalan ibadah yang seterusnya yang dapat dilakukan adalah zakat. Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam dan zakat fitrah diwajibkan ke atas setiap individu Muslim lelaki dan perempuan yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Pensyariatan ibadah zakat telah disebut di dalam Al-Quran sepertimana firman Allah s.w.t: *"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk."* (Al-Baqarah: 43)

Masyarakat Islam disunatkan untuk menunaikan zakat fitrah ketika bulan Ramadan. Disebabkan oleh kekangan yang dialami ketika pandemik COVID-19, lembaga zakat mengambil inisiatif untuk membenarkan masyarakat Islam membayar zakat fitrah secara atas talian. Inisiatif ini secara tidak langsung telah memudahkan urusan ibadah masyarakat Islam di Malaysia.

Di samping itu, bersedekah adalah amalan yang sangat digalakkan ketika pandemik COVID-19. Sedekah adalah satu amalan yang terpuji. Allah s.w.t telah mengkhabarkan tentang hamba-Nya yang menginfakkan rezeki yang diberikan oleh Allah s.w.t baik secara rahsia mahupun terang-terangan. Mereka ini mengharapkan pahala yang pasti diraih dari sisi Allah s.w.t. Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran: *"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian."* (Fatir: 29)

Oleh itu, digalakkan ke atas orang-orang yang mampu untuk bersedekah kepada orang yang memerlukan seperti golongan yang terjejas disebabkan oleh COVID-19 terutamanya golongan B40 yang tidak dapat bekerja dan hilang pekerjaan serta punca pendapatan. Hampir dua tahun pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia, jadi tidak hairanlah semakin ramai orang yang memerlukan bantuan dari segi kewangan. Perlulah diingat bahawa di dalam setiap harta yang kita miliki, wujudnya hak orang-orang fakir dan miskin.

## **Haji dan Umrah**

Amalan ibadah yang lazimnya dilakukan setiap tahun oleh masyarakat Islam di seluruh dunia adalah haji dan umrah. Pensyariatan ibadah haji dan umrah telah disebut di dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah s.w.t: *"Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah."* (Al-Baqarah: 196). Ibadah haji hanya diwajibkan ke atas setiap umat Islam yang mampu dan berkemampuan untuk menunaikannya sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran: *"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya."* (Al-Imran: 97)

Walau bagaimanapun, ibadah umrah dan haji tidak dapat dijalankan disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan ibadah umrah sudah digantung sejak Mac 2020 (Berita Harian, 2020c). Manakala, masyarakat Islam di Malaysia dan juga di negara lain tidak dapat menunaikan ibadah haji pada tahun 2020 kerana kerajaan Arab Saudi hanya membenarkan jemaah dalam kalangan rakyat Arab Saudi dan warganegara luar yang sudah berada di negara tersebut sahaja dengan jumlah yang terhad. Ianya diputuskan bagi memastikan ibadah haji yang bermula pada bulan Julai 2020 itu dilakukan dengan selamat ketika pandemik COVID-19 (Sinar Harian, 2020). Kira-kira 1,000 jemaah dibenarkan menunaikan ibadah haji dengan SOP yang ketat antaranya mengamalkan penjarakan fizikal selain menempatkan pasukan perubatan di lokasi berkenaan (Berita Harian, 2021b). Musim haji yang biasanya menyaksikan lebih daripada 2.5 juta umat Islam melakukan perjalanan ke Mekah dikurangkan untuk pertama kalinya dalam sejarah moden kerana pandemik COVID-19 (Kosmo, 2021).

Di samping itu, ibadah haji pada tahun 2021 pula masih lagi dihadkan kepada warganegara dan rakyat asing yang berada di negara itu serta seramai 60,000 orang dalam lingkungan usia 18-65 tahun berpeluang untuk mengerjakan haji, dengan syarat mereka telah menerima vaksin COVID-19 dan bebas penyakit berjangkit. Pendaftaran Haji musim 2021 dibuka secara dalam talian dan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi melakukan proses pemilihan berdasarkan syarat yang telah ditetapkan (Bernama, 2021).

## **Cabaran Pelaksanaan Amalan Ibadah**

Umum mengetahui bahawa telah hampir dua tahun pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia. Pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat sepanjang tempoh pandemik ini terutamanya dalam sektor ekonomi yang terjejas teruk disebabkan oleh tindakan pencegahan yang dijalankan. Tidak terkecuali juga bagi sektor sosial yang terjejas disebabkan oleh norma baharu yang mengamalkan penjarakan fizikal.

Bagi masyarakat Islam, antara aktiviti sosial yang terjejas ketika fasa awal penularan pandemik COVID-19 adalah aktiviti di masjid dan surau terutamanya amalan ibadah wajib seperti solat fardu dan solat jemaah. Masyarakat Islam tidak dapat mengimarahkan masjid dan surau seperti sebelumnya kerana larangan berkumpul di tempat-tempat tertentu. Walaubagaimanapun, pelaksanaan amalan ibadah dan aktiviti di masjid dan surau dibenarkan untuk dijalankan secara berperingkat bergantung kepada fasa tindakan pencegahan dan perlu melakukan pematuhan sepenuhnya kepada SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Amalan ibadah yang terkesan antaranya adalah aktiviti di masjid dan surau seperti solat fardu dan solat berjemaah, majlis ilmu seperti ceramah dan tazkirah, aktiviti di bulan Ramadan, dan bulan perayaan iaitu di bulan Syawal dan Zulkaedah.

## **Aktiviti di Masjid dan Surau pada Tahun 2020**

Aktiviti di masjid dan surau pada tahun 2020 adalah tidak dibenarkan sama sekali pada fasa awal tindakan pencegahan dijalankan iaitu PKP. Semua masjid dan surau diarahkan untuk ditutup dan semua aktiviti keagamaan ditangguhkan. Arahan ini diteruskan sehingga PKPB dijalankan.

Manakala, semua aktiviti keagamaan dijalankan semula secara berperingkat dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP ketika PKPP kecuali di kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Jadual 1 di bawah menunjukkan SOP bagi aktiviti di masjid dan surau pada tahun 2020.

Jadual 1 SOP Aktiviti di Masjid dan Surau pada tahun 2020

<b>Bil.</b>	<b>Fasa</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Kawalan</b>
		<b>Berkuatkuasa</b>	
<b>1</b>	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	18/03/20 – 03/05/20 - 4 fasa (47 hari)	Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan. Semua rumah ibadat ditutup. Penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat Jumaat adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020 (Junhairi, 2020)
<b>2</b>	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	04/05/20 – 09/06/20	Aktiviti keagamaan seperti perarakan keagamaan, solat Jumaat dan semua aktiviti berjemaah atau berhimpun di masjid, surau dan rumah-rumah ibadat tidak dibenarkan (Berita Harian, 2020b)
<b>3</b>	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	10/06/20 – 31/12/20	Semua aktiviti keagamaan dijalankan semula secara berperingkat dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP. Dalam kategori perayaan dan aktiviti keagamaan, sambutan Hari Raya Aidiladha dan ibadah korban dibenarkan tertakluk kepada SOP pihak berkuasa agama Islam (Sila rujuk Jadual 6). Kelonggaran dibenarkan lebih ramai jemaah hadir untuk solat berjemaah

mengikut ruang keluasan masjid (Berita Harian, 2020a; Pejabat Perdana Menteri, 2020)

## Aktiviti di Masjid dan Surau pada Tahun 2021

Tambahan lagi, Jadual 2 di bawah menunjukkan SOP bagi aktiviti di masjid dan surau pada tahun 2021 iaitu melibatkan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, Pelan Pemulihan Negara (PPN) - Fasa 1 dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) - Fasa 2.

Jadual 2 SOP Aktiviti di Masjid dan Surau pada tahun 2021

Bil.	Fasa	Tarikh Berkuatkuasa	Kawalan
1	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0	13/01/21 26/01/21	– Bagi aktiviti keagamaan, hanya AJK masjid dibenarkan hadir di negeri yang dilaksanakan PKP dengan jumlah maksimum 5 orang. Bagi negeri yang dikenakan PKPP dan PKPB, aktiviti keagamaan masih dibenarkan dengan bilangan kehadiran minimum yang ditetapkan di dalam SOP. Pihak berkuasa agama negeri disaran untuk memberi penetapan yang bersesuaian dalam menetapkan jumlah kehadiran yang dibenarkan (Pejabat Perdana Menteri, 2021)
2	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0	13/01/21 26/01/21	– Bagi tujuan pengurusan masjid/surau, AJK dibenarkan hadir seramai 5 orang. Solat Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dibenarkan maksimum seramai 30 orang manakala di negeri Selangor, Pulau Pinang tertakluk kepada pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri (Majlis Keselamatan Negara, 2021f)
3	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0	31/05/21	Aktiviti masjid dan surau selain solat Jumaat dan solat berjemaah tidak dibenarkan. Amalan iktikaf di dalam masjid tidak dibenarkan. Solat Jumaat dan solat fardu lima waktu secara berjemaah dibenarkan mengikut jumlah jemaah yang dibenarkan iaitu 12 orang di kalangan AJK masjid dan surau (Majlis Keselamatan Negara, 2021c)
4	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0	15/06/21 28/06/21	– Aktiviti solat dihadkan kepada maksima 12 orang AJK masjid dan surau sahaja. Aktiviti lain tidak dibenarkan (Majlis Keselamatan Negara, 2021e)
5	Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1	16/07/21	Sila rujuk Jadual 6 iaitu SOP Sambutan Hari Raya Aidiladha Tahun 2021 (Majlis Keselamatan Negara, 2021i)
6	Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1	20/08/21	Aktiviti solat di masjid dan surau bagi individu yang telah divaksin lengkap dibenarkan tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri (Majlis Keselamatan Negara, 2021g)
7	Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2	05/07/21	Solat fardu dan solat Jumaat secara berjemaah dibenarkan dengan kapasiti jemaah seramai 12 orang jemaah bagi solat 5 waktu dan 50 orang jemaah bagi solat Jumaat (Sila rujuk Jadual 10) (Majlis Keselamatan Negara, 2021b)
8	Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2	20/08/21	Aktiviti solat di masjid dan surau bagi individu yang telah divaksin lengkap dibenarkan tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri (Majlis Keselamatan Negara, 2021h)

## Aktiviti di Masjid dan Surau (Majlis Ilmu, Majlis Akad Nikah & Kelas KAFA)

Di samping itu, Jadual 3 di bawah menunjukkan SOP bagi aktiviti di masjid dan surau seperti majlis ilmu termasuklah kuliah Maghrib, kuliah Subuh, kuliah khas kaum ibu dan kelas agama

dan fardu ain (KAFA) serta majlis akad nikah. Aktiviti-aktiviti ini dibenarkan sepanjang PKPP pada tahun 2020 (sila rujuk Jadual 1) dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini tidak dibenarkan untuk dijalankan ketika pertengahan tahun 2021 (sila rujuk Jadual 2) iaitu ketika awal fasa PKP 3.0.

Jadual 3 SOP Aktiviti di Masjid dan Surau (Majlis Ilmu, Majlis Akad Nikah & Kelas KAFA)

Perkara/ Tarikh	Majlis Ilmu	Majlis Akad Nikah	Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA)
06/08/20	Kuliah Maghrib, Kuliah Subuh dan Kuliah Khas Kaum Ibu dibenarkan dengan syarat jemaah mematuhi penjarakan fizikal	Majlis Akad Nikah dibenarkan dengan mematuhi penjarakan fizikal. Pasangan berkaitan perlu mendaftar dengan Jawatankuasa Masjid bagi tujuan penetapan tarikh	Kelas KAFA dibenarkan dengan mematuhi SOP yang berkaitan dengan pembukaan Kelas KAFA (Majlis Keselamatan Negara, 2020b)
26/08/20	Sama seperti di atas	Sama seperti di atas	Sama seperti di atas (Majlis Keselamatan Negara, 2020d)
03/09/20	Sama seperti di atas	Sama seperti di atas	Sama seperti di atas (Majlis Keselamatan Negara, 2020a)
07/11/20	Sama seperti di atas	Sama seperti di atas	Sama seperti di atas (Majlis Keselamatan Negara, 2020c)
31/05/21	Aktiviti keilmuan secara fizikal di masjid dan surau tidak dibenarkan. Masjid dan surau digalakkan untuk mengadakan majlis keilmuan secara dalam talian	Majlis Akad Nikah di masjid dan surau adalah tidak dibenarkan	Kelas KAFA/Kelas Al-Quran tidak dibenarkan (Majlis Keselamatan Negara, 2021c)

## Aktiviti Bulan Ramadan

Manakala, Jadual 4 di bawah menunjukkan SOP bagi aktiviti di bulan Ramadan pada tahun 2020 (Majlis Keselamatan Negara, 2020g) dan 2021 (Majlis Keselamatan Negara, 2021d) seperti solat berjemaah, solat Jumaat, solat terawih, *qiamullail*, majlis ilmu dan tadarus Al-Quran, program berbuka puasa, moreh, sahur dan bubur lambuk serta pembayaran zakat fitrah.

Jadual 4 SOP Aktiviti Bulan Ramadan

Bil.	Perkara	2020	2021
1	Solat Berjemaah, Solat Jumaat, Solat Terawih dan <i>Qiamullail</i>	Solat terawih jemaah dan <i>qiamullail</i> tidak dibenarkan	Solat berjemaah, solat Jumaat, solat fardu 5 waktu, solat terawih dan <i>qiamullail</i> dibenarkan. Penyertaan jemaah lelaki, wanita dan kanak-kanak adalah dibenarkan mengikut ketetapan pihak berkuasa agama negeri
2	Majlis Ilmu dan Tadarus Al-Quran	Majlis tadarus Al-Quran tidak dibenarkan di Masjid/Surau/Musolla (Berdasarkan SOP Majlis Agama Islam Negeri)	Majlis ilmu seperti tazkirah/kuliah dibenarkan kecuali pada waktu antara pelaksanaan solat terawih. Tadarus Al-Quran dibenarkan mengikut ketetapan pihak berkuasa agama negeri
3	Program Berbuka Puasa, Moreh, Sahur dan Bubur Lambuk	Majlis berbuka puasa tempat awam tidak dibenarkan. Bubur Lambuk & Agihan dibenarkan. Sumbangan & Kuih Raya dibenarkan	Program berbuka puasa dan moreh di masjid dan surau adalah tertakluk kepada pihak berkuasa agama negeri. AJK masjid/surau digalakkan menyediakan juadah secara berbungkus dan diedarkan kepada para jemaah. Jamuan sahur boleh disediakan secara berbungkus kepada jemaah yang menyertai <i>qiamullail</i> . Program memasak dan mengedar Bubur Lambuk dibenarkan secara berbungkus kepada jemaah
4	Pembayaran Zakat Fitrah	Secara dalam talian atau kepada Amil (Berdasarkan	Pembayaran zakat fitrah secara manual atau terus kepada amil dibenarkan di samping pembayaran secara dalam talian

SOP Majlis Agama Islam melalui kaedah yang ditetapkan adalah digalakkan Negeri)

## Aktiviti Bulan Syawal

Seterusnya, bagi perayaan Aidilfitri, Jadual 5 di bawah menunjukkan SOP bagi aktiviti di bulan Syawal pada tahun 2020 (Majlis Keselamatan Negara, 2020e) dan 2021 (Majlis Keselamatan Negara, 2021j) seperti takbir hari raya, solat sunat hari raya, jamuan selepas solat sunat hari raya, program ziarah hari raya, ziarah tanah perkuburan, rumah terbuka atau majlis jamuan hari raya serta edaran duit raya.

Jadual 5 SOP Aktiviti Bulan Syawal

Bil.	Perkara	2020	2021
1	Takbir Hari Raya	Hanya untuk ahli keluarga terdekat dalam rumah sahaja. Memastikan penjarakan sosial	Takbir Hari Raya di masjid/surau dibenarkan untuk AJK masjid/surau sahaja. Aktiviti takbir dari rumah ke rumah tidak dibenarkan
2	Solat Sunat Hari Raya	Tidak Dibenarkan	Solat Sunat Hari Raya di masjid dan surau adalah dibenarkan mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Penyertaan jemaah mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Kebenaran ini tertakluk kepada laporan sistem amaran awal <i>Hotspots Identification for Dynamic Engagement</i> (HIDE). Tidak dibenarkan bagi kawasan yang berisiko. Dibenarkan di masjid atau surau dengan jumlah jemaah mengikut ketetapan berikut: a) Masjid berkapasiti melebihi 1,000 orang: Had maksima 50 orang jemaah. B) Masjid berkapasiti kurang dari 1,000 orang: Had maksima 20 orang jemaah
3	Jamuan Selepas Solat Sunat Hari Raya	Tidak Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
4	Program Ziarah Hari Raya	Tidak Dibenarkan	Hanya dibenarkan pada 1 Syawal sahaja tanpa merentas daerah/negeri. Kehadiran tetamu tidak melebihi 15 orang pada satu-satu masa mengikut kapasiti yang bersesuaian saiz rumah dengan penjarakan fizikal. Tuan rumah digalakkan untuk menyediakan alat pengimbas suhu badan, kod QR MySejahtera untuk pendaftaran atau menyediakan buku pendaftaran kehadiran.
5	Ziarah Tanah Perkuburan	Tidak Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
6	Rumah Terbuka atau Majlis Jamuan Hari Raya	Tidak Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
7	Edaran duit raya	Tidak bersalaman dan bersentuhan	boleh dan

## Aktiviti Bulan Zulkaedah

Bagi perayaan Aidiladha, Jadual 6 di bawah menunjukkan SOP bagi aktiviti di bulan Zulkaedah pada tahun 2020 (Majlis Keselamatan Negara, 2020f) dan 2021 (Majlis Keselamatan Negara, 2021i, 2021k) seperti takbir hari raya, solat sunat hari raya dan khutbah hari raya, jamuan selepas solat sunat hari raya, ibadah korban, program ziarah hari raya, ziarah tanah perkuburan serta rumah terbuka atau majlis jamuan hari raya.

Jadual 6 SOP Aktiviti Bulan Zulkaedah

Bil.	Perkara	2020	2021
1	Takbir Hari Raya	Takbir dari rumah ke rumah tidak dibenarkan	Takbir Hari Raya di Masjid dan Surau dibenarkan. Takbir dari rumah ke rumah tidak dibenarkan
2	Solat Aidiladha dan Khutbah Hari Raya	Aktiviti/Ibadah sembahyang sunat Hari Raya Aidiladha hendaklah mematuhi sepenuhnya SOP Sektor Sosial berkenaan Aktiviti Masjid dan Surau yang telah dikeluarkan. Terus bersurai dan pulang selepas selesai ibadah sembahyang sunat hari raya Aidiladha	Dibenarkan dengan mengikut ketetapan dalam SOP dan pihak berkuasa agama negeri dengan penjarakan fizikal dan pematuhan SOP. Kapasiti - 50 orang Jemaah. Solat Sunat Aidiladha dilakukan dalam tempoh masa yang minimum. Imam digalakkan membaca surah atau ayat yang pendek. Khatib mengambil tempat sejurus setelah selesai Solat Sunat Aidiladha. Bacaan khutbah pertama dan kedua dipendekkan sebaik mungkin dengan menjaga rukun yang asal
3	Jamuan Selepas Solat Sunat Aidiladha	Tidak Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
4	Ibadah Korban	Hendaklah mematuhi sepenuhnya SOP Ibadah Korban yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa Agama Islam	Dibenarkan dengan mengikut ketetapan dalam SOP, pihak berkuasa agama negeri dan pihak-pihak berkaitan dengan penjarakan fizikal dan pematuhan SOP
5	Program Ziarah Hari Raya	Tidak Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
6	Ziarah Tanah Perkuburan	Tidak Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
7	Rumah Terbuka atau Majlis Jamuan Hari Raya	Tidak Dibenarkan	Tidak Dibenarkan

### Penyelesaian Pelaksanaan Amalan Ibadah

Pada 15 Jun 2021, Perdana Menteri Malaysia ke-8, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah membentangkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebagai strategi peralihan keluar secara berfasa daripada kemelut pandemik COVID-19. Strategi terbabit merangkumi empat fasa dan membabitkan pelan peralihan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat. Setiap fasa pelan pemulihan itu berpaksikan kepada data yang bersandarkan tiga indikator ambang utama untuk beralih dari satu fasa ke fasa seterusnya iaitu keadaan penularan COVID-19 dalam komuniti berdasarkan bilangan kes jangkitan harian, keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan kadar penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) dan tahap populasi yang dilindungi berdasarkan peratusan yang lengkap menerima dua dos suntikan vaksin (Mohd Iskandar, 2021).

Jadual 7 (Majlis Keselamatan Negara, 2021a) di bawah menunjukkan Parameter Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Berfasa bagi sektor keagamaan iaitu aktiviti di masjid dan surau yang dibenarkan bagi setiap fasa PPN. Berdasarkan jadual di bawah, dapat dilihat bahawa aktiviti lain di masjid dan surau dibenarkan bagi negeri yang berada di Fasa 4.

Jadual 7 Parameter Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara Berfasa

Bil.	Fasa	Aktiviti di Masjid dan Surau
1	Fasa 1	Aktiviti solat dihadkan kepada maksima 12 orang AJK masjid dan surau sahaja. Aktiviti lain tidak dibenarkan
2	Fasa 2	Dikekalkan seperti di Fasa 1
3	Fasa 3	Aktiviti solat dibenarkan terhad kepada 50% kapasiti surau/masjid mengikut mana yang terendah serta tertakluk kepada ketetapan pihak Berkuasa Agama Negeri. Aktiviti lain tidak dibenarkan

4	Fasa 4	Aktiviti agama Islam seperti solat Jumaat, solat berjemaah serta aktiviti lain seperti majlis ilmu di masjid/surau adalah dibenarkan mengikut keluasan ruang masjid/surau dengan penjarakan fizikal serta mengikut ketetapan pihak Berkuasa Agama Negeri
---	--------	--

Di samping itu, Jadual 8 di bawah menunjukkan pecahan negeri mengikut fasa pelan pemulihan negara yang berkuatkuasa pada 26 Ogos 2021 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021a).

Jadual 8 Pecahan Negeri Mengikut Fasa Pelan Pemulihan Negara

Bil.	Fasa PPN	Negeri
1	Fasa 1	Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Melaka & Johor
2	Fasa 2	Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah & Negeri Sembilan
3	Fasa 3	Perlis & Sarawak
4	Fasa 4	Wilayah Persekutuan Labuan

Manakala, Jadual 9 di bawah menunjukkan maklumat peralihan fasa bagi negeri yang sudah berada di Fasa 4 dan Fasa 2 iaitu Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sembilan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021a). Maklumat indikator bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sembilan pada 29 Ogos 2021 (Majlis Pemulihan Negara, 2021).

Jadual 9 Maklumat Peralihan Fasa Bagi Negeri yang Sudah Berada di Fasa 4 dan Fasa 2

Fasa/Indikator	Fasa 2 (Wilayah Persekutuan Labuan)	Fasa 4 (Negeri Sembilan)
<b>Kes Baharu Harian</b>	5	345
<b>Kadar Penggunaan Unit Rawatan Rapi (ICU)</b>	0% berbanding 30% pada Julai 2021	Bawah 40% berbanding 120% pada Mei 2021
<b>Populasi Dewasa Divaksinasi Penuh</b>	93.1%	76.4%
<b>Kelonggaran Peraturan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja 100% tertakluk kepada SOP</li> <li>Seminar, bengkel, kursus &amp; aktiviti mesyuarat bersemuka dibenarkan pada kapasiti ruang 50%</li> <li>Majlis sosial dibenarkan pada kapasiti premis 50% serta penjarakan fizikal meliputi kenduri-kendara, <i>retreat</i>, sambutan perayaan, <i>reunion</i>, pertunangan, lain-lain majlis sosial</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hanya bagi mereka yang lengkap 2 dos vaksinasi</li> <li>Rentas daerah dibenarkan</li> <li>Rentas negeri dibenarkan bagi suami isteri jarak jauh, ibu bapa/penjaga yang ingin lawat anak bawah 18 tahun</li> <li>Keagamaan: Masjid dan surau – dibenarkan solat, tertakluk SOP pihak berkuasa agama negeri</li> <li>Rumah ibadat agama lain – aktiviti keagamaan dibenarkan, tertakluk ketetapan Kementerian Perpaduan Negara</li> <li>Makan di kedai/restoran/warung: Pemilik premis wajib papar notis terima pelanggan lengkap vaksinasi.</li> <li>Pelancongan: Hanya di dalam negeri sama sahaja, termasuk hotel/inap desa</li> </ul>

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa kelonggaran SOP dibenarkan bagi negeri yang sudah berada di Fasa 2 sehingga Fasa 4 termasuklah aktiviti keagamaan seperti aktiviti solat di masjid dan surau. Manakala individu yang telah lengkap divaksin di negeri Fasa 1 dan Fasa 2 PPN dibenarkan untuk solat di masjid dan surau berkuatkuasa pada 10 Ogos 2021. Maksud vaksin lengkap adalah individu yang telah mendapatkan dua dos suntikan *Pfizer*, *Astrazeneca* atau *Sinovac* iaitu selepas hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua atau satu dos *Johnson & Johnson* dan *Cansino* iaitu selepas hari ke-28 dari tarikh suntikan (Kementerian Kesihatan

Malaysia, 2021b).

Aktiviti solat di masjid dan surau bagi individu (umat Islam) yang telah divaksin lengkap tertakluk kepada ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Peraturan dan garis panduan yang perlu dipatuhi adalah pihak masjid dan surau perlu memastikan SOP berkaitan protokol kesihatan awam seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan jemaah mesti terus pulang setelah selesai solat. Jemaah yang hadir untuk menunaikan solat dikehendaki untuk menunjukkan kepada petugas masjid dan surau sijil digital vaksinasi COVID-19 yang menunjukkan bahawa individu tersebut telah menerima vaksinasi lengkap (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021b).

Semua aktiviti yang dijalankan di masjid dan surau perlulah mematuhi SOP yang ditetapkan. Jadual 10 (Majlis Keselamatan Negara, 2021b) menunjukkan SOP pelaksanaan aktiviti di masjid dan surau.

Jadual 10 SOP Pelaksanaan Aktiviti di Masjid dan Surau

Bil.	Perkara	SOP
1	Waktu Operasi	5 waktu solat fardu dan solat Jumaat dalam tempoh PPN Fasa 2.
2	Waktu Kehadiran Jemaah	30 minit sebelum masuk waktu hingga selesai solat.
3	Kapasiti Jemaah	12 orang Jemaah bagi solat 5 waktu dan 50 orang Jemaah bagi solat Jumaat.
4	Solat 5 Waktu Berjemaah	Imam mengambil tempat sejurus setelah selesai azan dan solat berjemaah dilakukan dalam tempoh masa seminimum mungkin. Imam digalakkan membaca surah atau ayat yang pendek.
5	Solat Jumaat	Khatib mengambil tempat sejurus setelah selesai azan pertama dan azan kedua terus dilaungkan. Bacaan khutbah pertama dan kedua dipendekkan sebaik mungkin dengan menjaga rukun yang asal. Solat Jumaat dilakukan dalam tempoh masa yang minimum. Imam digalakkan membaca surah atau ayat yang pendek.
6	Zikir dan Doa	Selesai solat, Imam membaca zikir dan doa yang ringkas
7	Kawalan Penularan dan Jangkitan	Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran jemaah. Pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan. Kerap melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wudhu'. Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.
8	Kawalan dan Pengesanan	Masjid/surau hendaklah mempunyai petugas yang mencukupi bagi membantu kawalan jemaah. Kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan secara manual di dalam buku kehadiran. Jemaah yang sihat dan tidak bergejala sahaja dibenarkan hadir. Pintu masjid dibuka hanya sejam sebelum azan dan ditutup sejurus selepas selesai aktiviti solat berjemaah.
9	Penandaan Jemaah	Pengurusan masjid hendaklah membuat penandaan jarak antara jemaah sekurang-kurangnya 1 meter.
10	Etika Jemaah	Tidak boleh bersalaman dan bersentuhan di antara satu sama lain. Cara masuk dan keluar masjid mesti mengikut giliran dengan teratur serta menjaga penjarakan yang terkawal. Jemaah digalakkan membawa sejadah sendiri. Jemaah dipastikan terus bersurai dalam keadaan tenang. Elakkan aktiviti bersalaman dan berpelukan sesama yang hadir. Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti sama ada di dalam atau di luar masjid dan surau. Jemaah hendaklah mengambil wudhu' di rumah, namun dibenarkan memperbaharunya di masjid/surau.

## Kesimpulan

Natijahnya, setiap kejadian yang Allah s.w.t ciptakan di alam semesta ini mempunyai tujuan dan hikmah yang tersendiri. Ianya terpulang kepada setiap hamba-Nya untuk merenung kebesaran Allah Yang Maha Besar dan mencari hikmah di sebalik setiap kejadian.

Bencana alam dan wabak penyakit bukanlah suatu halangan untuk manusia sebagai khalifah untuk terus maju dan ianya juga bukanlah suatu alasan yang menyebabkan manusia tidak dapat melangkah ke hadapan dan terus mundur. Allah s.w.t telah menciptakan manusia dengan

sebaik-baik kejadian sebagaimana firman-Nya di dalam Al-Quran: “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*” (Al-Tin: 4)

Justeru itu, setiap Muslim hendaklah mencari hikmah dan mengambil pengajaran di sebalik semua kejadian yang terjadi di atas muka bumi. Keadaan norma baharu yang diamalkan ketika ini perlulah dimanfaatkan oleh setiap Muslim dalam berusaha untuk menjadi Muslim yang lebih baik seperti menggunakan waktu-waktu yang terluang di rumah dengan menambahkan pahala beribadah kepada Allah s.w.t. Di samping memperbanyakkan doa kepada Allah s.w.t., rakyat Malaysia perlu berusaha untuk menjaga SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan supaya pendekatan yang diambil oleh kerajaan dapat mencapai objektif untuk menyekat penularan wabak pandemik COVID-19 seterusnya keadaan akan pulih seperti sediakala.

## Rujukan

- Al-Asqalani, I. H. (2008). *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Astro Awani. (2021, May 11). Kerajaan serius dalam pelaksanaan PKP 3.0 - Ismail Sabri. Retrieved August 6, 2021, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-serius-dalam-pelaksanaan-pkp-30-ismail-sabri-297582>
- Berita Harian. (2020a). Fasa baharu perang COVID-19 di Malaysia, bermula Rabu ini. Retrieved August 3, 2021, from [https://web.archive.org/web/20200607102326/https://www.bharian.com.my/node/697531/amp%26ved%3D2ahUKEwjQgNnSsO\\_pAhWF6nMBHbfbARMQFjApegQIBRAB%26usg%3DAOvVaw3qMFM9hJmNiAAmDM8UkacE%26ampcf%3D1id%3D](https://web.archive.org/web/20200607102326/https://www.bharian.com.my/node/697531/amp%26ved%3D2ahUKEwjQgNnSsO_pAhWF6nMBHbfbARMQFjApegQIBRAB%26usg%3DAOvVaw3qMFM9hJmNiAAmDM8UkacE%26ampcf%3D1id%3D)
- Berita Harian. (2020b, May 1). Aktiviti sosial, agama, sukan babit perkumpulan dilarang, institusi pendidikan kekal tutup. Retrieved August 18, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/683820/aktiviti-sosial-agama-sukan-babit-perkumpulan-dilarang-institusi>
- Berita Harian. (2020c, June 16). Arab Saudi serba salah mengenai ibadat haji berikutan COVID-19. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/06/700892/arab-saudi-serba-salah-mengenai-ibadat-haji-berikutan-covid-19>
- Berita Harian. (2021a). Kronologi pelaksanaan fasa PKP. Retrieved August 3, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775155/kronologi-pelaksanaan-fasa-pkp>
- Berita Harian. (2021b, May 10). Arab Saudi benarkan haji dengan syarat khas. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2021/05/815493/arab-saudi-benarkan-haji-dengan-syarat-khas>
- Bernama. (2021, June 23). Pendaftaran dalam talian musim haji 2021 ditutup malam ini. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.astroawani.com/berita-dunia/pendaftaran-dalam-talian-musim-haji-2021-ditutup-malam-ini-304729>
- Junhairi, A. (2020, March 16). Covid-19: Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bermula 18 Mac. Retrieved August 17, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/74100/KHAS/Covid-19/Covid-19-Perintah-Kawalan-Pergerakan-di-seluruh-negara-bermula-18-Mac>
- Junhairi, A. (2021, January 11). PKP 2.0 melibatkan enam negeri mulai 13 Januari. Retrieved August 6, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/118578/KHAS/Covid-19/PKP-20-libatkan-enam-negeri-mulai-13-Januari>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021a). Pelan Pemulihan Negara (PPN). Retrieved August 29, 2021, from <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/pelan-pemulihan-negara>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021b, August 9). Perincian Penambahbaikan SOP PPN Bagi Mereka Yang Telah Menerima Vaksinasi Lengkap. Retrieved August 29, 2021, from <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/pelan-pemulihan-negara/2021/08/perincian->

- penambahbaikan-sop-ppn-kuatkuasa-10082021
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021c, August 26). Situasi Terkini COVID-19 di Malaysia 26 Ogos 2021. Retrieved August 27, 2021, from <https://covid-19.moh.gov.my/terkini>
- Kosmo. (2021, May 10). Ibadah haji 2021 diteruskan dengan syarat khas. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.kosmo.com.my/2021/05/10/ibadah-haji-2021-diteruskan-dengan-syarat-khas/>
- Majlis Keselamatan Negara. (2020a). *SOP Aktiviti Masjid dan Surau 03/09/20*. Retrieved from [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau\\_-dikemaskini-pada-3-September-2020.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau_-dikemaskini-pada-3-September-2020.pdf)
- Majlis Keselamatan Negara. (2020b). *SOP Aktiviti Masjid dan Surau 06/08/20*. Retrieved from [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau\\_-dikemaskini-pada-6-Ogos-2020.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau_-dikemaskini-pada-6-Ogos-2020.pdf)
- Majlis Keselamatan Negara. (2020c). *SOP Aktiviti Masjid dan Surau 07/11/20*. Retrieved from [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau\\_-dikemaskini-pada-7-November-2020-1.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau_-dikemaskini-pada-7-November-2020-1.pdf)
- Majlis Keselamatan Negara. (2020d). *SOP Aktiviti Masjid dan Surau 26/08/20*. Retrieved from [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau\\_-dikemaskini-pada-26-Ogos-2020.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau_-dikemaskini-pada-26-Ogos-2020.pdf)
- Majlis Keselamatan Negara. (2020e). *SOP Sambutan Hari Perayaan (PKPB) Fasa 2 13/05/20*.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020f). *SOP Sambutan Hari Raya Aidiladha 27/07/20*. <https://doi.org/10.12816/0007091>
- Majlis Keselamatan Negara. (2020g). *SOP Sepanjang Bulan Ramadan Tahun 2020*.
- Majlis Keselamatan Negara. (2021a). *Parameter Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara Berfasa*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/27-Jun-2021-Parameter-Pelaksanaan-Pelan-Pemulihan-Negara-Berfasa.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021b). *SOP Aktiviti Masjid dan Surau - PPN Fasa 2 05/07/2021*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/JAKIM-PPN-Fasa-2-SOP-Solat-Jemaah-dan-Solat-Jumaat-Kemaskini-5-Julai-2021-.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021c). *SOP Aktiviti Masjid dan Surau 31/05/2021*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/JAKIM-PKP-SOP-Aktiviti-Masjid-dan-Surau-Kemaskini-pada-31-Mei-2021.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021d). *SOP Aktiviti Masjid dan Surau pada Bulan Ramadan (PKPP) 07/04/21*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/04/SOP-AKTIVITI-MASJID-SURAU-BULAN-RAMADHAN-PKPP-Kemaskini-7-April-2021.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021e). *SOP Am (PKP) 15/06/2021*. Retrieved from <https://www.kpdnhep.gov.my/images/2021/arkib-sop/sop-am-perintah-kawalan-150621.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021f). *SOP Am PKP 12/01/21*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/01/SOP-PKP-KL-SELANGOR-PENANG-MELAKA-JOHOR-SABAH1.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021g). *SOP Fasa 1 (PPN) 25/08/21*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/Pelan-Pemulihan-Negara-SOP-Fasa-1-Kemas-Kini-25-Ogos-2021.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021h). *SOP Fasa 2 (PPN) 25/08/21*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/Pelan-Pemulihan-Negara-SOP-Fasa-2-Kemas-Kini-25-Ogos-2021.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021i). *SOP Sambutan Hari Raya Aidiladha 16/07/21*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/JAKIM-PPN-Fasa-1-SOP-Sambutan-Hari-Raya-Aidiladha-Tahun-2021-Kemaskini-16-Julai-2021.pdf>
- Majlis Keselamatan Negara. (2021j). *SOP Sambutan Hari Raya Aidilfitri (PKP) 11/05/21*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2021/05/SOP-HARI-RAYA-PKP-Kemaskini-11-Mei-2021-.pdf>

- Majlis Keselamatan Negara. (2021k). *SOP Solat Sunat Aidiladha 06/07/2021*. Retrieved from [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/JAKIM-PPN-Fasa-1-SOP-Solat-Aidiladha\\_Kemaskini-6-Julai-20211.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/JAKIM-PPN-Fasa-1-SOP-Solat-Aidiladha_Kemaskini-6-Julai-20211.pdf)
- Majlis Pemulihan Negara. (2021, August 29). Indikator & Nilai Ambang. Retrieved August 29, 2021, from <https://pelanpemulihannegara.gov.my/wp-labuan/dashboard.html>
- Mohd Iskandar, I. (2021, June 15). 3 indikator utama Pelan Pemulihan Negara. Retrieved August 29, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/828197/3-indikator-utama-pelan-pemulihan-negara>
- Noor Atiqah, S. (2021). COVID-19: Malaysia lepassi sejuta kes. Retrieved July 26, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/843100/covid-19-malaysia-lepassi-sejuta-kes>
- Pejabat Perdana Menteri. (2020). *Teks Ucapan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) - Prime Minister's Office of Malaysia*. Prime Minister's Office of Malaysia Official Website. Retrieved from <https://www.pmo.gov.my/2020/06/teks-ucapan-pelaksanaan-perintah-kawalan-pergerakan-pemulihan-pkpp/>
- Pejabat Perdana Menteri. (2021). *Perutusan Khas Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 11 Januari 2021*. Prime Minister's Office of Malaysia Official Website. Retrieved from <https://www.pmo.gov.my/2021/01/perutusan-khas-pelaksanaan-perintah-kawalan-pergerakan-11-januari-2021/>
- Salasiah Hanin, H., Noor Shakirah, M. A., Zainab, I., Adawiyah, I., & Nadhirah, M. A. (2015). The Application of Ibadah (Worship) in Counseling: Its Importance and Implications to Muslim Clients. *Journal of Religion and Health*, 54(5), 9.
- Sinar Harian. (2020, June 23). Ibadah haji dibuka untuk umat Islam di Arab Saudi sahaja. Retrieved August 15, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/89058/BERITA/Nasional/Arab-Saudi-hadkan-jumlah-jemaah-haji-negaranya>